



Lembaran Pendedahan Produk

Insurans Jaminan Setia

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Jaminan Setia. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am.

NOTIS PENTING

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menanggung rugi anda sebagai seorang majikan daripada mana-mana kerugian kewangan yang langsung akibat kelakuan pekerja-pekerja yang pecah amanah, seperti kejadian pemalsuan, penggelapan wang, larseni atau penukaran fraud. Perlindungan ini tidak terhad kepada penggelapan wang dan stok.

2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi kerugian kewangan atau barangan kepunyaan anda yang disebabkan oleh perbuatan fraud atau ketidakjujuran yang dilakukan oleh pekerja-pekerja anda:

- Sepanjang Tempoh Insurans
- Sepanjang penggajian yang berterusan tanpa berhenti bagi pekerja tersebut
- Berkaitan dengan pekerjaan dan tugas bagi pekerja tersebut; dan
- Diketahui sepanjang Tempoh Insurans seperti dinyatakan atau dalam masa 6 bulan selepas itu atau dalam masa 6 bulan selepas kematian, pembuangan atau persaraan bagi pekerja tersebut, bergantung kepada yang mana berlaku terlebih dahulu.

Tempoh perlindungannya ialah selama satu tahun. Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah bergantung kepada Amaun Jaminan dan keperluan pengunderaitan pihak kami.

Amaun Jaminan : RM _____

Kadar dikenakan : _____ %

Bilangan pekerja yang diinsuranskan : _____

Kadar per kapita : RM _____

Jumlah premium teranggar yang anda perlu bayar anda ialah : RM _____

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- Cukai Perkhidmatan : 8%
- Duti setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 25% daripada premium atau RM _____

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.
- Jika polisi ini terus berkuatkuasa melebihi satu tempoh insurans, liabiliti pihak kami berhubung dengan mana-mana satu tuntutan tidak akan terkumpul atau bertambah dengan cara itu, dan liabiliti agregat pihak kami sepanjang mana-mana bilangan tempoh insurans dan untuk mana-mana bilangan kerugian yang membentuk dasar kepada mana-mana satu tuntutan tidak kira di bawah polisi ini atau mana-mana polisi yang serupa sebagai pengganti untuk atau digantikan oleh polisi ini, tidak boleh melebihi Amaun Jaminan di bawah polisi yang sedia ada.
- Jika pada masa mana-mana kerugian berlaku, terdapat mana-mana jaminan sekuriti yang lain atau insurans sedia ada yang memberi perlindungan yang sama, maka pihak kami tidak akan menanggung liabiliti untuk membayar atau menyumbang melebihi bahagian mengikut kadar bagi mana-mana jumlah patut bayar yang berkaitan dengan kerugian sedemikian.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

This policy does not cover

- Sebarang kerugian tidak langsung atau kerugian turutan
- Sebarang kerugian pihak ketiga
- Pemerasan
- Sebarang kerugian yang dialami sebelum tempoh insurans atau diketahui sebelum tempoh insurans atau diketahui pada masa perberhentian polisi termasuk tempoh ketahui
- Pengambilan stok atau kehilangan inventori

- Kerugian yang terbit daripada pengionan radiasi atau kontaminasi oleh radioaktif daripada sebarang tenaga nuklear, bahan buangan nuklear atau sebarang senjata nuklear.
- Kerugian akibat sebarang tindakan keganasan

Note: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minimum yang ditahan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans Jaminan Setia atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di www.tokiomarine.com

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad
Level 20, Menara Hap Seng 3,
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812
Email: letusknow@tokiomarine.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan Insurans Am yang disediakan

- Insurans Wang
- Insurans Semua Risiko
- Insurans Pecah Masuk
- Insurans Peralatan
- Insurans Kaca

NOTA PENTING

Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi terus kami untuk keterangan lanjut.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dlesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.